

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
( SHAH ALAM )**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perincian mengenai perbelanjaan bagi semua program bantuan COVID-19 dan program vaksinasi yang telah dijalankan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan di sepanjang tahun 2021 bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) adalah sebuah syarikat amanah yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai ‘Syarikat Berhad Menurut Jaminan’ dan bukanlah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Pelantikan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai Pengerusi dalam syarikat ini adalah berdasarkan keperluan dalam *Memorandum & Articles of Association* Yayasan Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian, adalah kurang wajar pihak Kementerian memberi maklumat daripada pihak yang merupakan bukan agensi Kerajaan di bawah Kementerian.

Sekian, terima kasih.